

SPRM PULAU PINANG



Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah

JULAI 2012

KANDUNGAN

AKTIVITI PENCEGAHAN

- Majlis Penerangan Dan Forum Pencegahan Rasuah Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
- Majlis Penerangan Pencegahan Rasuah Dan Menandatangani Ikrar Integriti Korporat Oleh Jambatan Kedua Sdn. Bhd.
- Majlis Turun Padang (TURPA) SPRM Pulau Pinang Bersama Persatuan India Bukit Mertajam Di Alma
- Majlis Penerangan Dan Diskusi Meja Bulat NKRA Pencegahan Rasuah Bersama Pelabur Asing

KES-KES YANG DITUDUH DI MAHKAMAH

- Penolong Pegawai Antidadah Dituduh Rasuah
- Ketua Inspektor Polis Dituduh Terima Rasuah
- Pegawai Polis Dituduh Rasuah
- Peniaga Dituduh Beri Rasuah
- Pegawai Dan Anggota Polis Dituduh Rasuah
- Korporal Polis Dituduh Terima Rasuah
- Anggota Polis Dituduh Rasuah
- Dua Anggota Polis Dituduh Rasuah
- Anggota Polis Dituduh Rasuah
- Orang Awam Bersama Dua Pembantu Antidadah Dituduh Rasuah
- Buruh Dituduh Beri Rasuah
- Kaitangan TNB Dituduh Terima Rasuah

Bagaimana anda boleh memberi maklumat kepada SPRM

- Datang sendiri ke mana-mana pejabat SPRM yang berhampiran
- Hubungi SPRM di talian **03-88867000** atau Talian Bebas Tol **1-800-88-6000**
- Tulis surat kepada mana-mana Pejabat SPRM poskad 6000 **tanpa setem**
- Email SPRM: info@sprm.gov.my
- Laman Web SPRM: www.sprm.gov.my

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA PULAU PINANG
44, JALAN SULTAN AHMAD SHAH,
PETI SURAT 6000
10850 PULAU PINANG

Tel: 04-2271982 Faks: 04-2266070/2292315

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA CAWANGAN SEBERANG PERAI,
TINGKAT 2B, BANGUNAN MAHKAMAH
MAJISTRET (MUNISIPAL) MPSP
JALAN KAMPUNG JAWA, SEBERANG PERAI,
12000 BUTTERWORTH, PULAU PINANG
Tel: 04-3246000 Faks: 04-3242000

Kata-kata Aluan

Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Saya sangat bersyukur kerana Newsletter Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Pulau Pinang ini berjaya diterbitkan untuk kali kedua. Newsletter ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun/Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) pada setiap suku tahun berkaitan aktiviti pencegahan rasuah yang dijalankan oleh SPRM Pulau Pinang dalam memerangi jenayah rasuah di negeri ini.



DATO' SAMARAJOO MANIKAM
Pengarah
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah
Malaysia
Pulau Pinang.

Pelbagai aktiviti dan usaha dilaksanakan oleh SPRM Pulau Pinang sebagai pemangkin bagi mencapai hasrat kerajaan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di mana salah satu bidang adalah memerangi jenayah rasuah. Sejak akhir-akhir ini, tugas untuk memerangi rasuah semakin mencabar. Sebagai agensi yang diberi mandat untuk memerangi rasuah khasnya di Pulau Pinang, tentu sekali ianya bukan satu kerja yang mudah. Walaubagaimanapun dengan adanya kerjasama yang padu daripada semua Jabatan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun/Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Pulau Pinang dan sokongan yang berterusan daripada masyarakat tempatan, saya yakin masalah rasuah dapat dibendung.

Saya berharap supaya dapatlah kita bersama-sama bergabung tenaga memerangi jenayah rasuah bagi menjamin kesejahteraan serta keharmonian hidup di masa akan datang. SPRM Pulau Pinang akan sentiasa menerima pandangan daripada semua pihak untuk kebaikan bagi memerangi gejala rasuah. Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Jabatan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Badan Berkanun/Swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang selama ini telah memberikan sokongan dan bersama-sama dengan SPRM Pulau Pinang dalam memerangi jenayah rasuah.

Sekian.



Majlis Penerangan Dan Forum Pencegahan Rasuah Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)



Pulau Pinang – 21 April 2012, Seramai 67 orang telah menghadiri Majlis Penerangan Dan Forum Pencegahan Rasuah Kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah dianjurkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang di Auditorium SPRM Pulau Pinang. Majlis ini bertujuan bagi mendapatkan kerjasama NGO untuk menyalurkan maklumat mengenai rasuah serta mengadakan usahasama dalam menutup ruang dan peluang rasuah.



PPj Abd. Rahman Anor Basha, Ketua Penolong Pengarah (Pencegahan) SPRM Pulau Pinang telah memulakan majlis dengan menyampaikan ceramah berkaitan “Pengenalan SPRM dan Akta SPRM 2009”. Ini diikuti oleh En. Mohd Nizam Mohd Ali, Pengarah Sektor Swasta, Institut Integriti Malaysia yang telah menyampaikan ceramah berkaitan “Peranan NGO Dalam Pencegahan Rasuah”. Majlis diteruskan dengan sesi forum yang dikendalikan oleh PKPj Zainul Darus, Timbalan Pengarah SPRM Pulau Pinang sebagai moderator, manakala ahli panel terdiri daripada Dato’ Samarajoo Manikam, Pengarah SPRM Pulau Pinang dan En. Mohd Nizam Mohd Ali.

Pameran dan edaran risalah juga turut diadakan. Pada keseluruhannya peserta majlis penerangan dan forum telah menunjukkan kematangan dan kesedaran mengenai kesan jenayah rasuah serta memberikan komitmen untuk meningkatkan integriti dengan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM dalam usaha memerangi jenayah rasuah.





Majlis Penerangan Pencegahan Rasuah Dan Menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB)

Pulau Pinang – 24 April 2012, Seramai 100 orang daripada pengurusan Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB), kontraktor, dan jururunding yang terlibat dengan projek Jambatan Kedua Pulau Pinang telah menghadiri Majlis Penerangan Dan Dialog NKRA Pencegahan Rasuah dan seterusnya Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh JKSB yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang



Majlis ini telah diadakan di Hotel Gurney, Pulau Pinang. Di antara objektif majlis ini diadakan bagi meningkatkan kesedaran berkaitan Program Transformasi Kerajaan (GTP) khususnya NKRA Membanteras Rasuah di kalangan kontraktor-kontraktor luar dan tempatan termasuk pakar perunding, di samping mempromosi dan berkongsi kejayaan dalam pencapaian NKRA.



Majlis bermula dengan ceramah yang disampaikan oleh Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob, Pengurus JKSB bertajuk “Ke Arah Mencapai Pembinaan/Projek Bertaraf Dunia” dan diikuti oleh Datuk Paul Low, Presiden Transparency International Malaysia “Penglibatan Kontraktor Asing/Tempatan Dan Jururunding Dalam Pencegahan Rasuah”.



Majlis diteruskan dengan sesi dialog di mana ahli panel terdiri daripada Dato' Sri Haji Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob dan Datuk Paul Low yang dikendalikan oleh Dato' Samarajoo Manikam, Pengarah SPRM Pulau Pinang sebagai moderator. Kemuncak majlis adalah Menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh JKSB. Ikrar Integriti Korporat ini adalah suatu dokumen pernyataan bagi sebuah syarikat untuk membuat komitmen bagi mendukung prinsip pencegahan rasuah di Malaysia.

Dokumen Ikrar ini ditandatangani oleh Pengarah Urusan JKSB, Dato' Ir. Dr. Ismail Mohamed Taib dengan disaksikan oleh Dato' Sri Haji Abu Kassim Mohamed, Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob, Datuk Paul Low dan Dato' Samarajoo Manikam.



Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah

Majlis Penerangan Pencegahan Rasuah Dan Menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSB)

Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob dalam ucapannya telah melafazkan komitmen untuk menyokong segala bentuk usaha yang dibuat SPRM mahupun kerajaan dalam aktiviti pencegahan rasuah di negara ini.

Dato' Sri Haji Abu Kassim Mohamed dalam ucapan balasnya pula telah meminta pihak JKSBS menyenaraikan aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan pada tahun ini seperti terkandung di dalam ikrar tersebut supaya pada akhir tahun dapat dibuat penilaian dan membincangkan langkah penamaian dengan SPRM. Beliau turut meminta pihak JKSBS agar dapat menghimpunkan semua penender-penender dan pembekal-pembekal serta pihak-pihak yang ada hubungan rasmi dengan JKSBS supaya turut menandatangani surat komitmen integriti ini.

Pada keseluruhannya peserta yang menghadiri majlis ini telah menunjukkan kesedaran mengenai kesan jenayah rasuah serta komitmen untuk meningkatkan integriti dengan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM dalam usaha memerangi jenayah rasuah.



Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah



Majlis Turun Padang (TURPA) SPRM Pulau Pinang Bersama Persatuan India Bukit Mertajam Di Alma

Pulau Pinang – 13 Mei 2012, SPRM Negeri Pulau Pinang menganjurkan Majlis Turun Padang (TURPA) dengan kerjasama Persatuan India Bukit Mertajam yang telah diadakan di Dewan KRT Taman Selamat, Alma.

Objektif majlis ini diadakan bagi menjelaskan peranan dan fungsi SPRM kepada masyarakat India khususnya pemimpin-pemimpin dikalangan masyarakat India. Aktiviti ini bertujuan mewujudkan kefahaman dan hubungan dua hala disamping bertukar-tukar maklumat dengan pemimpin-pemimpin dan masyarakat India bagi meraih dan maningkatkan sokongan untuk bersama-sama menghapuskan gejala rasuah. Melalui program ini juga, dapat mewujudkan kerjasama daripada masyarakat khususnya masyarakat India berupaya memainkan peranan yang lebih berkesan dalam memerangi jenayah rasuah. Majlis telah dimulakan pada jam 4.30 petang dengan acara sukaneka dan pertandingan bola sepak tujuh sebelah di mana SPRM Pulau Pinang sendiri telah menghantar satu pasukan bola sepak yang diwakili oleh pegawai dan kakitangan SPRM Pulau Pinang. Jumlah kehadiran bagi acara ini adalah seramai 350 orang.

Pada jam 8.00 malam, telah diadakan sesi ceramah selama 30 minit daripada Ketua Penolong Pengarah (Pencegahan) SPRM Pulau Pinang Penolong Pesuruhjaya Abd. Rahman Anor Basha, bertajuk Pengenalan kepada SPRM dan Peranan Masyarakat dalam Pencegahan Rasuah. Manakala, Persatuan India Bukit Mertajam telah menjemput Swami Brahmaananda Saraswati untuk menyampaikan ceramah selama 30 minit berkaitan Nilai-nilai Murni dari Perspektif Agama Hindu bagi Menangani Rasuah.

Majlis diteruskan dengan Sesi Dialog di mana ahli panel terdiri daripada Pengarah SPRM Pulau Pinang Dato' Samarajoo Manikam, Swami Brahmaananda Saraswati dan Presiden Persatuan India Bukit Mertajam, En. K. Puvaneswaran yang dikendalikan oleh Timbalan Pengarah SPRM Pulau Pinang, Zainul Darus sebagai Moderator. Seramai 150 orang telah menghadiri ceramah dan sesi dialog ini dan peserta terdiri daripada Persatuan India Bukit Mertajam, Penduduk Alma serta pegawai dan kakitangan SPRM Pulau Pinang.

Pameran dan edaran risalah juga diadakan bagi peserta majlis ini mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut berkaitan SPRM dan kesalahan-kesalahan rasuah yang telah ditetapkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009.

Majlis ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada penceramah dan panel-panel jemputan bagi sesi dialog, hadiah kepada pemenang acara sukaneka dan pertandingan bola sepak tujuh sebelah, sijil penyertaan dan cabutan nombor bertuah.

Pada keseluruhannya, peserta yang menghadiri majlis turun padang ini telah mendapat input berkenaan kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 serta komitmen untuk sama-sama membantu SPRM dalam memerangi jenayah rasuah.





Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah

MAJLIS PENERANGAN DAN DISKUSI MEJA BULAT NKRA PENCEGAHAN RASUAH BERSAMA PELABUR ASING

Pulau Pinang – 14 Jun 2012, Seramai 61 orang peserta terdiri dari wakil-wakil pelabur asing yang melabur di Pulau Pinang dan juga pegawai-pegawai dari jabatan kerajaan yang berkaitan telah menghadiri Majlis Penerangan Dan Diskusi Meja Bulat NKRA Pencegahan Rasuah Bersama Pelabur Asing. Majlis ini adalah anjuran bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Pulau Pinang dan Bahagian Pemantauan dan Penyelaras NKRA Rasuah Putrajaya dengan kerjasama FMM, FREPENCA dan MICCI yang telah diadakan di Hotel Vistana, Pulau Pinang.

Di antara objektif seminar ini adalah memberi penerangan dan pengetahuan kepada pelabur asing berkaitan kesalahan yang berkaitan jenayah rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Ianya juga bagi menghubung dan meningkatkan *sense of belongings* terhadap usaha membanteras rasuah serta mengeratkan hubungan kerjasama di antara SPRM dengan pelabur asing untuk sama-sama memerangi jenayah rasuah dan juga memperbaiki skor dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI).

Dua kertas kerja telah dibentangkan dalam majlis ini oleh, Dato' Hisham Nordin, Pengarah Bahagian Pemantauan Dan Penyelaras NKRA Rasuah, Putrajaya dan Wan Hashim Wan Jusof, Pengarah Kanan, Industri Bukan Sumber, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Kuala Lumpur.

Pameran dan edaran risalah juga diadakan bagi peserta mendapatkan maklumat dan penjelasan lebih lanjut berkaitan SPRM dan kesalahan rasuah yang telah ditetapkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009. Pada jam 11.30 pagi majlis diteruskan dengan sesi diskusi meja bulat yang dipengerusikan oleh Dato' Samarajoo Manikam, Pengarah SPRM Pulau Pinang sebagai moderator, manakala ahli panel terdiri daripada Dato' Sri Haji Abu Kassim Mohamed, Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Wan Hashim Wan Jusof, Pengarah Kanan, Industri Bukan Sumber, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Kuala Lumpur.

Semasa sesi diskusi meja bulat, peserta telah mengemukakan soalan-soalan yang di antara lain berkenaan tempoh "cooling off period" kepada penjawat awam dan adakah terdapat garis panduan untuk memantau penswastaan di Malaysia supaya tidak dimonopoli oleh sesetengah pihak.

Pada keseluruhannya peserta menunjukkan kematangan dan kesedaran mereka mengenai kesan jenayah rasuah serta komitmen untuk meningkatkan integriti dalam urusan perindustrian serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada SPRM dalam memerangi jenayah rasuah.



Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah



AKTIVITI PAMERAN

Pada Bulan April hingga Jun 2012 SPRM Pulau Pinang telah mengadakan beberapa aktiviti pameran di sekitar Pulau Pinang dan juga di Daerah Seberang Perai. Objektif aktiviti pameran ini diadakan bagi mendekatkan SPRM dengan masyarakat supaya mereka dapat merasai kewujudan SPRM. Selain itu juga untuk memberi penerangan dan informasi-informasi berkaitan jenayah rasuah serta meningkatkan kesedaran di kalangan mereka mengenai bahaya gejala rasuah.

**PAMERAN SEMPENA HARI KOKURIKULUM 2012
SEKOLAH KEBANGSAAN SERI IMPIAN, KUBANG SEMANG**
28 April 2012 (Sabtu)



**PAMERAN SEMPENA PROGRAM MESRA MASYARAKAT DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH DI
DATARAN HOMESTAY MENGUANG TITI**
13 Mei 2012 (Ahad)



PAMERAN DI TAMAN SELAMAT ALMA, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG
20 Mei 2012 (Ahad)





KES-KES YANG DITUDUH DI MAHKAMAH

PENOLONG PEGAWAI ANTIDADAH DITUDUH RASUAH

12 April 2012

BUTTERWORTH – Dua orang Penolong Pegawai Antidadah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Pulau Pinang telah dituduh di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana telah meminta suatu suapan wang tunai RM1,000.00 daripada pengadu supaya tidak menahan beliau yang kyonnya terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Bagi pertuduhan kedua, kedua-dua tertuduh telah didakwa memperoleh suatu suapan wang tunai RM750.00 daripada pengadu supaya tidak menahan beliau yang kyonnya terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan minta untuk dibicarakan. Hakim menetapkan wang jaminan sebanyak RM6,000.00 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua tertuduh dan tarikh sebutan pada 14 Mei 2012.

Sekiranya disabitkan dengan kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun, dan didenda tidak kurang RM 10,000.00 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana satu lebih tinggi.

KETUA INSPEKTOR POLIS DITUDUH TERIMA RASUAH

20 April 2012

BUTTERWORTH - Seorang Pegawai Polis DiRaja Malaysia ber pangkat Ketua Inspektor telah dituduh di Mahkamah Sesyen Butterworth di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan kerana menerima suapan wang tunai RM300.00 tanpa balasan munasabah daripada pengadu yang sedang mempunyai hubungan secara langsung dengan tugas rasminya.

Tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan minta untuk dibicarakan. Hakim telah menetapkan wang jaminan sebanyak RM5,000.00 dengan seorang penjamin dan tarikh sebutan pada 25 Mei 2012.

Sekiranya disabitkan dengan kesalahan tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau didenda atau kedua-duanya sekali.



Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah



KES-KES YANG DITUDUH DI MAHKAMAH

PEGAWAI POLIS DITUDUH RASUAH

23 April 2012

BUTTERWORTH – Seorang Pegawai Polis DiRaja Malaysia berpangkat Inspektor telah dituduh di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia kerana telah secara rasuah menyetujuterima satu suapan wang tunai sebanyak RM5000.00 daripada pengadu sebagai dorongan supaya pengadu tidak akan dikenakan Perintah Tahanan di bawah Seksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan tidak akan dituduh di bawah Seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh telah secara rasuah cuba memperoleh daripada pengadu wang tunai RM20,000.00 sebagai dorongan supaya pengadu tidak akan dikenakan Perintah Tahanan di bawah Seksyen 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan tidak akan dituduh di bawah Seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan minta untuk dibicarakan. Hakim menetapkan wang jaminan sebanyak RM6,000.00 bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin dan tarikh bicara pada 01 Ogos 2012.

Sekiranya disabitkan dengan kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun, dan didenda tidak kurang RM10,000.00 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana satu lebih tinggi.

PENIAGA DITUDUH BERI RASUAH

24 April 2012

BUTTERWORTH – Seorang peniaga telah dituduh di bawah Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana telah secara rasuah menawarkan suatu suapan wang tunai RM200.00 kepada seorang Penguatuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai supaya tidak mengeluarkan kompaun ke atas BB Health Centre kerana menjalankan perniagaan pusat urut tanpa lesen.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh telah didakwa memberikan satu suapan wang tunai RM200.00 kepada seorang Penguatuasa Majlis Perbandaran Seberang Perai supaya tidak mengeluarkan Kompaun ke atas BB Health Centre kerana menjalankan perniagaan pusat urut tanpa lesen.

Tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan minta untuk dibicarakan. Hakim menetapkan wang jaminan sebanyak RM6,000.00 bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin dan tarikh bicara pada 10 Ogos 2012.

Sekiranya disabitkan dengan kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun, dan didenda tidak kurang RM10,000.00 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana satu lebih tinggi.





KES-KES YANG DITUDUH DI MAHKAMAH

PEGAWAI DAN ANGGOTA POLIS DITUDUH RASUAH

26 April 2012

GEORGE TOWN – Seorang pegawai dan anggota Polis DiRaja Malaysia telah dituduh di bawah Seksyen 384 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja telah melakukan pemerasan dengan mendatangkan ketakutan kepada pengadu iaitu mahu menggari anak pengadu untuk kononnya membawanya ke Balai Polis dan kemudian Ke Simpang Renggam selama 60 hari yang mendorong pengadu meyerahkan kepada tertuduh kedua wang tunai RM 15,000.00.

Kedua-dua tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan minta untuk dibicarakan. Hakim menetapkan wang jaminan sebanyak RM5,000.00 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh dan tarikh sebutan pada 28 Mei 2012.

Sekiranya disabitkan kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara selama tempoh yang boleh sampai sepuluh tahun atau dengan denda, atau dengan sebat atau dengan mana-mana dua daripada seksaan-seksaan itu.

KORPORAL POLIS DITUDUH TERIMA RASUAH

26 April 2012

BUTTERWORTH - Seorang anggota Polis DiRaja Malaysia ber pangkat Korporal telah dituduh di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana secara rasuah cuba untuk memperoleh satu suapan wang tunai RM5,000.00 daripada pemandu lori sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan ke atas pemandu lori tersebut yang didapati membawa muatan benih kerang tanpa surat kelulusan dari Jabatan Perikanan.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh telah didakwa memperoleh satu suapan wang tunai RM2,000.00 daripada pemilik lori sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan ke atas sebuah lori yang didapati membawa muatan benih kerang tanpa kelulusan dari Jabatan Perikanan.

Tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan minta untuk dibicarakan. Hakim menetapkan wang jaminan sebanyak RM5,000.00 dengan seorang penjamin dan tarikh sebutan pada 17 Mei 2012.

Sekiranya disabitkan dengan kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun, dan didenda tidak kurang RM 10,000.00 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana satu lebih tinggi.





KES-KES YANG DITUDUH DI MAHKAMAH

ANGGOTA POLIS DITUDUH RASUAH

24 Mei 2012

BUTTERWORTH - Seorang anggota Polis DiRaja Malaysia ber pangkat Lans Korporal Tambahan telah dituduh di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana secara rasuah cuba untuk memperoleh suatu suapan wang tunai RM200.00 daripada pengadu sebagai dorongan untuk membawa masuk roti canai dan rokok ke dalam lokap Central Ibupejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara kepada anak pengadu.

Tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan minta untuk dibicarakan. Hakim menetapkan wang jaminan sebanyak RM3,000.00 dengan seorang penjamin dan tarikh bicara pada 25 Julai 2012.

Sekiranya disabitkan dengan kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun, dan didenda tidak kurang RM 10,000.00 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana satu lebih tinggi.

DUA ANGGOTA POLIS DITUDUH RASUAH

24 Mei 2012

BUTTERWORTH – Dua orang anggota Polis DiRaja Malaysia ber pangkat Konstabel dan Lans Koperal telah dituduh di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana telah secara rasuah meminta daripada pengadu suatu suapan wang tunai RM3,000.00 daripada pengadu untuk tidak mengambil tindakan terhadap pengadu yang dikatakan memiliki dadah.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh pertama ber pangkat konstabel telah didakwa dibawah Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana telah secara rasuah memperoleh suatu suapan wang tunai RM1500.00 daripada pengadu untuk tidak mengambil tindakan terhadap pengadu yang dikatakan memiliki dadah.

Kedua-dua tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan minta untuk dibicarakan. Hakim menetapkan wang jaminan sebanyak RM3,000.00 bagi kedua-dua tertuduh dengan seorang penjamin dan tarikh sebutan pada 26 Jun 2012.

Sekiranya disabitkan dengan kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun, dan didenda tidak kurang RM10,000.00 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana satu lebih tinggi.



Anda Boleh Lakukan Perubahan Perangi Rasuah



KES-KES YANG DITUDUH DI MAHKAMAH

ANGGOTA POLIS DITUDUH RASUAH

04 Jun 2012

GEORGE TOWN – Seorang anggota Polis DiRaja Malaysia ber pangkat Sarjan telah dituduh di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana telah secara rasuah cuba memperoleh suatu suapan wang tunai RM4,000.00 daripada pengadu untuk tidak mengambil tindakan terhadap pengadu yang kononnya melakukan kesalahan di bawah Seksyen 29 (1) Akta Kesalahan Kecil.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh telah didakwa di bawah Seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana telah secara rasuah memperoleh suatu suapan wang tunai RM2000.00 daripada pengadu untuk tidak mengambil tindakan terhadap pengadu yang kononnya melakukan kesalahan di bawah Seksyen 29 (1) Akta Kesalahan Kecil.

Tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan minta untuk dibicarakan. Hakim menetapkan wang jaminan sebanyak RM10,000.00 dengan seorang penjamin dan tarikh sebutan pada 02 Ogos 2012.

Sekiranya disabitkan dengan kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun, dan didenda tidak kurang RM 10,000.00 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana satu lebih tinggi.

ORANG AWAM BERSAMA DUA PEMBANTU ANTI DADAH DITUDUH RASUAH

06 Jun 2012

BUTTERWORTH – Seorang orang awam bersama dua orang Pembantu Antidadah telah dituduh di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana telah secara rasuah cuba memperoleh suatu suapan wang tunai RM4000.00 daripada dua orang awam sebagai dorongan kononnya untuk membantu kedua-duanya agar perintah pengawasan di bawah Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Bukit Mertajam Pulau Pinang terhadap mereka tidak akan dapat dilaksanakan.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh pertama Thanabalu a/l Manavalan telah secara rasuah cuba memperoleh suatu suapan wang tunai RM4000.00 daripada Lee Chun Ken dan Chew Wei Jian sebagai dorongan untuk membantu kedua-duanya agar perintah pengawasan di bawah Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Bukit Mertajam Pulau Pinang terhadap dirinya dan kawannya tidak akan dapat dilaksanakan.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh pertama telah secara rasuah menerima suatu suapan wang tunai RM4000.00 daripada Lee Chun Ken sebagai dorongan / upah untuk membantu agar perintah pengawasan di bawah Seksyen 38B Akta dadah Berbahaya 1952 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Bukit Mertajam Pulau Pinang terhadap dirinya dan Chew Wei Jian tidak akan dapat dilaksanakan.

Bagi pertuduhan ketiga, tertuduh ketiga Sivaneswaran a/l Asokumaran telah bersubahat dengan tertuduh pertama secara rasuah menerima suatu suapan wang tunai RM4000.00 daripada Lee Chun Ken sebagai dorongan untuk membantu agar perintah pengawasan di bawah Seksyen 38B Akta dadah Berbahaya 1952 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Bukit Mertajam Pulau Pinang tidak akan dilaksanakan terhadap dirinya dan Chew Wei Jian.



KES-KES YANG DITUDUH DI MAHKAMAH

Bagi pertuduhan keempat, tertuduh kedua Suresh a/l Nagasundaram telah bersubahat dengan tertuduh pertama telah secara rasuah menerima suatu suapan wang tunai RM4000.00 daripada Lee Chun Ken sebagai dorongan untuk membantu agar perintah pengawasan di bawah Seksyen 38B Akta dadah Berbahaya 1952 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Bukit Mertajam Pulau Pinang tidak akan dilaksanakan terhadap dirinya dan Chew Wei Jian.

Bagi pertuduhan pilihan, ketiga-tiga tertuduh dituduh di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaaan niat bersama menipu Lee Chun Ken dan Chew Wei Jian dengan memperdaya mereka untuk mempercayai bahawa kamu boleh membantu agar perintah pengawasan di bawah Seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret Bukit Mertajam Pulau Pinang terhadap mereka tidak akan dilaksanakan dan mendorong Lee Chun Ken dan Chew Wei Jian untuk menyerahkan wang tunai sebanyak RM4000.00 kepada tertuduh pertama.

Ketiga-tiga tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan minta untuk dibicarakan. Hakim menetapkan wang jaminan sebanyak RM5,000.00 bagi ketiga-tiga tertuduh dengan seorang penjamin dan tarikh sebutan pada 31 Julai 2012.

Sekiranya disabitkan dengan kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun, dan didenda tidak kurang RM10,000.00 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana satu lebih tinggi. (Hukuman Bagi Pertuduhan Di bawah Seksyen 16(a)(A) ASPRM 2009)

Hukuman penjara tidak kurang daripada 1 tahun dan tidak lebih 10 tahun dan sebatan dan boleh juga dikenakan. (Hukuman Bagi Pertuduhan Di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaaan)

BURUH DITUDUH BERI RASUAH

14 Jun 2012

BUTTERWORTH – Seorang buruh telah dituduh di bawah Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 kerana telah secara rasuah memberikan suatu suapan wang tunai RM2500.00 kepada seorang Pegawai Polis DiRaja Malaysia sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan ke atas beliau di atas kesalahan memiliki dadah.

Tertuduh mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan mahkamah mensabitkan tertuduh dengan pertuduhan tersebut dan menjatuhkan hukuman penjara 4 bulan dari tarikh sabitan dan denda RM12,500.00, gagal bayar 6 bulan penjara.





KES-KES YANG DITUDUH DI MAHKAMAH

KAKITANGAN TNB DITUDUH TERIMA RASUAH

20 Julai 2012

Butterworth – Seorang kakitangan TNB Cawangan Bertam telah dituduh di bawah Seksyen 16(a)(B) dan 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM) kerana secara rasuah meminta dan memperoleh satu suapan wang tunai RM300.00 daripada pengadu untuk tidak diambil tindakan ke atas pengadu yang dikatakan membuat pengubahsuaian pada jangka/meter.

Bagi pertuduhan pertama, tertuduh telah didakwa di bawah Seksyen 16(a)(B) ASPRM 2009 kerana secara rasuah meminta satu suapan wang tunai RM300.00 daripada pengadu untuk tidak diambil tindakan ke atas pengadu yang dikatakan membuat pengubahsuaian pada jangka/meter.

Manakala pertuduhan kedua, tertuduh didakwa di bawah Seksyen 17(a) ASPRM 2009 kerana secara rasuah memperoleh satu suapan wang tunai RM300.00 daripada pengadu untuk tidak diambil tindakan ke atas pengadu yang dikatakan membuat pengubahsuaian pada jangka/meter.

Tertuduh tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan dan minta untuk dibicarakan. Hakim menetapkan wang jaminan RM2,500.00 dengan seorang penjamin dan tarikh sebutan pada 28 Ogos 2012.

Sekiranya disabitkan dengan kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun, dan didenda tidak kurang RM 10,000.00 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana satu lebih tinggi.





SPRM Pulau Pinang mengalu-alukan sebarang sumbangan berbentuk penulisan yang bertemakan tadbir urus terbaik dan pencegahan rasuah. Sila kemukakan penulisan Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan melalui email : newsletter.pp@sprm.gov.my

